



Tinjauan Operasi

Cadangan Korporat

CADANGAN KORPORAT

Suruhanjaya mengawal selia tawaran dan terbitan sekuriti oleh syarikat awam, dan debentur oleh syarikat swasta. Suruhanjaya juga mengawal selia penyenaian sekuriti tersebut di BSKL, serta pengambilalihan dan percantuman. Suruhanjaya juga merupakan badan berkuasa tunggal yang memberi kelulusan dan mendaftar prospektus bagi semua jenis sekuriti (selain daripada sekuriti yang diterbitkan oleh kelab rekreasi tidak tersenarai).

TERBITAN SEKURITI

(Jadual 1–5)

Pada tahun 2002, terdapat peningkatan dalam jumlah cadangan korporat yang diterima oleh Suruhanjaya, berbanding pada tahun 2001. Terdapat 452 permohonan baru yang diterima berbanding dengan 312 pada tahun 2001. Ini adalah tambahan kepada 81 permohonan yang dibawa ke hadapan dari tahun 2001, yang membawa kepada sejumlah 533 permohonan untuk diproses pada tahun 2002. Daripada jumlah ini, 392 atau 73.5% diproses pada tahun 2002, 16 ditarik balik dan 125 dibawa ke hadapan ke tahun 2003.

Daripada 392 permohonan yang diproses, 384 (98%) diluluskan, tujuh ditolak dan satu ditunda. Kebanyakan daripada yang diluluskan ialah cadangan untuk mengutip dana melalui instrumen hutang, yang merupakan 17.7% kelulusan yang diberi. Terdapat juga peningkatan dalam bilangan kelulusan bagi permohonan penyusunan semula dengan 58 kelulusan berbanding dengan 18 kelulusan dalam tahun 2001. Daripada 58 kelulusan yang diberikan, 42 kelulusan melibatkan syarikat-syarikat PN4. Keutamaan diberikan kepada syarikat-syarikat yang berada bawah Nota Amalan 4/2001, *KLSE Listing Requirements*. Syarikat-syarikat tersebut dikehendaki merombak kedudukan

keuangan mereka bagi mengekalkan status penyenaian masing-masing.

Terdapat 31 kelulusan bagi penyenaian baru di Papan Utama dan Papan Kedua BSKL pada tahun 2002 – penurunan 3.1% berbanding dengan 32 permohonan yang diluluskan pada tahun 2001. Daripada 31 permohonan penyenaian di BSKL yang diluluskan, 16 adalah bagi Papan Utama dan 15 bagi Papan Kedua. Sebaliknya, kelulusan bagi penyenaian di MESDAQ meningkat daripada tujuh pada tahun 2001 kepada 11 pada tahun 2002.

Pelbagai cadangan korporat yang diluluskan pada tahun 2002 dijangka dapat menjana RM46.99 bilion, yang merupakan jumlah yang jauh lebih rendah daripada RM53.31 bilion yang dijangkakan pada tahun 2001. Kira-kira RM35.40 bilion atau 75.3% dana tersebut akan dijanakan menerusi instrumen hutang. Secara keseluruhan, statistik ini menggambarkan satu peralihan yang jelas mengenai aktiviti penjanaan dana daripada ekuiti kepada hutang. Minat kepada penjanaan dana menerusi instrumen hutang mungkin dicituskan oleh peningkatan kesedaran di kalangan syarikat terhadap instrumen hutang sebagai alat penjanaan modal alternatif, yang terdedah kepada volatiliti yang lebih rendah berbanding dengan pasaran ekuiti. Suruhanjaya, setelah menjadi badan tunggal yang meluluskan PDS sejak 1 Julai 2000, telah juga memudahcarakan terbitan PDS dengan mempercepatkan masa pemprosesan dan memperkenalkan garis panduan yang lebih memudahcarakan.

Pada tahun 2002, terdapat dua IPO mega di BSKL. Maxis Communications Bhd (Maxis), yang merupakan IPO terbesar di BSKL semenjak 1996,¹ dan PLUS Expressways Bhd, masing-masing disenaraikan di BSKL pada 8 Julai 2002 dan 17 Julai 2002, dengan permodalan pasaran berjumlah RM25.14 bilion.

¹ Sumber: *Investors Digest* (Jilid: Pertengahan Ogos 2002).

Pada tahun 2002, Suruhanjaya menerima sejumlah 83 permohonan baru prospektus bagi pendaftaran. Ini merupakan tambahan kepada 38 permohonan yang dibawa ke hadapan dari tahun 2001, menjadikan bilangan permohonan dalam tangan pada tahun 2002 berjumlah 121. Daripada jumlah ini, 91 permohonan telah didaftarkan, satu ditarik balik (oleh kerana penarikan balik permohonan) dan 29 dibawa ke hadapan ke tahun 2003.

Beberapa pindaan dibuat kepada Garis panduan Terbitan pada tahun 2002 untuk lebih memudahcarakan proses terbitan sekuriti dan ini diterangkan dalam artikel pada muka surat 2–46.

PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN

(Jadual 6)

Pada tahun 2002, Suruhanjaya mempertimbangkan sejumlah 171 permohonan berkaitan *Malaysian Code on Take-overs and Mergers 1998* (2001: 157 permohonan).

Daripada 171 permohonan tersebut, 69 permohonan adalah bagi pengecualian daripada kewajipan tawaran wajib yang dibuat mengikut seksyen 33C SCA dan Nota Amalan 2.9, Kod tersebut. Ini mewakili peningkatan 56.8% daripada jumlah permohonan dalam tahun 2001. Suruhanjaya juga menjelaskan 10 dokumen tawaran dalam tahun 2002 berbanding dengan 13 dokumen tawaran dalam tahun 2001. Baki permohonan adalah bagi pelantikan penasihat bebas, penjelasan pekeliling nasihat bebas, lanjutan masa bagi penghantaran dokumen tawaran, permintaan bagi keputusan dan permohonan sampingan yang lain. Beberapa dasar baru mengenai pengambilalihan dan percantuman diperkenalkan dalam tahun 2002 dan dinyatakan dalam artikel pada muka surat 2–50.

AUDIT PENILAIAN ASET

(Jadual 7)

Pada tahun 2002, Suruhanjaya membuat kajian semula ke atas 398 laporan penilaian yang dikemukakan oleh 67 syarikat awam berkaitan pelbagai cadangan korporat yang membabitkan penilaian atau penilaian semula harta.

Sungguhpun bilangan laporan yang disemak tahun ini menunjukkan penurunan 12% berbanding tahun lepas, jumlah harta tanah yang dinilai pada tahun 2002 sebanyak 23,233 adalah lebih besar dibandingkan dengan 6,227 pada tahun 2001. Ini disebabkan oleh peningkatan jumlah projek pembangunan besar yang terlibat dalam cadangan korporat.

Jumlah penilaian harta sebanyak RM14.92 bilion kebanyakan berkaitan dengan cadangan penyusunan semula yang merupakan 39% daripada jumlah nilai modal harta yang dikaji semula. Ini diikuti oleh penilaian berkaitan perolehan harta atau syarikat dan pelupusan aset harta yang masing-masingnya menyumbang sebanyak 28% dan 18% daripada jumlah nilai modal. Terdapat juga peningkatan dalam bilangan pelupusan dan juga nilai modal dengan pelupusan aset MAS kepada Asset Global Network Sdn Bhd, syarikat tujuan khas milik Kementerian Kewangan, dengan jumlah 60% daripada nilai modal yang terlibat dalam pelupusan tersebut. Walau bagaimanapun, dibandingkan dengan 2001, penilaian melibatkan IPO mencatatkan penurunan 60% daripada RM1.13 bilion kepada RM455 juta.

SEKURITI HUTANG SWASTA


(Jadual 8)

Pada tahun 2002, Suruhanjaya meluluskan 171 terbitan PDS (tidak termasuk terbitan PDS oleh Cagamas) berjumlah RM56.01 bilion berbanding dengan 114 terbitan PDS berjumlah RM45.69 bilion pada tahun 2001. Daripada jumlah 171 terbitan PDS yang diluluskan, tujuh terbitan dengan nilai agregat RM3.79 bilion (berkaitan dengan lima urus niaga ABS) telah diluluskan bawah Garis panduan ABS.

Dari segi jenis terbitan, stok pinjaman merupakan 46.2% daripada jumlah bilangan terbitan PDS yang diluluskan, diikuti oleh terbitan bon 35.1% (termasuk lima terbitan ABS), kertas perdagangan/program nota jangka pertengahan (CP/MTN) 15.8% (termasuk satu terbitan ABS), dan nota jangka pendek/kertas perdagangan 2.9% (termasuk satu terbitan ABS). Kebanyakan, stok pinjaman yang diterbitkan berkaitan dengan pelaksanaan proses penyusunan semula hutang oleh penerbit.

Terbitan PDS secara konvensional membentuk sebanyak 68.5% (58.4% pada tahun 2001) daripada jumlah terbitan PDS yang diluluskan pada tahun 2002, dengan selebihnya berjumlah 31.5% terdiri daripada terbitan IPDS (41.6% pada tahun 2001).

Carta 1
Profil Kematangan




Nota: Tidak termasuk program CP/MTN oleh kerana profil kematangan hanya pada ketika terbitan dilakukan.

Dari segi profil kematangan, 98 (57.3%) terbitan PDS yang diluluskan dalam tahun 2002 mempunyai tempoh matang antara satu hingga tujuh tahun sementara 41 (24.0%) mempunyai tempoh matang lebih daripada tujuh tahun. Lima (2.9%) daripada terbitan PDS tersebut mempunyai tempoh matang satu tahun.

Pada tahun 2002, 101 (90.2%) terbitan PDS yang ditarafkan mempunyai penarafan jangka pendek antara P1/MARC-1 dengan P3/MARC-3 dan penarafan jangka panjang antara AAA dan BBB sementara 11 (9.8%) daripada terbitan PDS adalah dengan penarafan bukan pelaburan. Lapan puluh enam terbitan tidak mempunyai penarafan disebabkan sama ada terbitan tersebut tidak perlu ditarafkan bawah Garis panduan PDS atau pun dikecualikan daripada keperluan penarafan.

Jumlah nilai terbitan PDS oleh Cagamas Berhad yang diluluskan dalam tahun 2002 adalah RM19.55 bilion. Terbitan PDS oleh Cagamas Berhad terdiri daripada nota jangka pendek, bon dan bon Mudharabah Islam.

Carta 2
Ringkasan Penarafan



Nota: Bagi program CP/MTN, kedua-dua penarafan jangka pendek bagi CP dan penarafan jangka panjang bagi MTN diambilkira.

STATISTIK UTAMA

Jadual 1

Status Permohonan

Permohonan	Tahun	
	2002	2001
Permohonan yang dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	81	110
Permohonan yang diterima pada tahun semasa	452	312
Permohonan untuk tahun semasa	533	422
Permohonan yang diproses dan dipertimbangkan pada tahun semasa	(392)	(318)
Permohonan yang ditarik balik pada tahun semasa	(16)	(23)
Permohonan yang dibawa ke hadapan ke tahun berikutnya	125	81

Jadual 2

Cadangan Penyenaraian yang Dipertimbangkan

	Papan Utama		Papan Kedua		MESDAQ		Jumlah	
	2002	2001	2002	2001	2002	2001	2002	2001
Lulus	16	9	15	23	11	7	42	39
Ditolak	2	2	2	1	0	0	4	3
Ditangguh	1	0	0	2	0	1	1	3
Jumlah	19	11	17	26	11	8	47	45

Jadual 3

Jumlah Permohonan yang Dipertimbangkan Mengikut Jenis Cadangan

Jenis Cadangan	Diluluskan		Ditolak		Ditangguh		Jumlah	
	2002	2001	2002	2001	2002	2001	2002	2001
Pengapungan	31	32	4	3	1	2	36	37
MESDAQ	11	7	0	0	0	1	11	8
Pemindahan ke Papan Utama	15	17	0	0	0	0	15	17
Penjanaan dana melalui ekuiti	24	17	0	0	0	0	24	17
Penjanaan dana melalui hutang	68	76	0	0	0	0	68	76
ICULS ²	5	5	0	0	0	0	5	5
Penempatan tertutup/terbitan terhad	38	16	0	0	0	0	38	16
Saham keutamaan	0	1	0	0	0	0	0	1
Penyusunan, pengatur, penilaian semula dan permodalan semula ³	58	18	2	2	0	2	60	22
Perolehan	31	30	1	2	0	3	32	35
Percantuman	3	2	0	0	0	0	3	2
Penjualan	23	8	0	0	0	0	23	8
Penukaran hutang kepada ekuiti	1	1	0	0	0	0	1	1
Bonus	28	17	0	0	0	0	28	17
ESOS ⁴	40	52	0	0	0	0	40	52
Cadangan oleh syarikat tidak tersenarai ⁵	8	4	0	0	0	0	8	4
Jumlah	384	303	7	7	1	8	392	318

² Stok pinjaman tidak bercagar boleh tukar tidak boleh tebus.

³ Termasuk cadangan penyusunan semula hutang.

⁴ Skim opsyen saham pekerja.

⁵ Cadangan lain selain sekuriti hutang dan ESOS.

Jadual 4

Jumlah Dana yang Dijana/Akan Dijana Mengikut Jenis Terbitan

Jenis ⁶	Bilangan Terbitan		Dana Dijana/Akan Dijana			
			(RM juta)		(%)	
	2002	2001	2002	2001	2002	2001
IPO ⁷						
Jumlah kelulusan	42	39				
– Jumlah dikumpulkan oleh PLC			2,377.5	887.4	5.10	1.67
– Jumlah dikumpulkan oleh pembuat tawaran			493.0	202.2	1.00	0.38
Dana yang dikumpulkan melalui ekuiti						
– Tersenarai	59	42	4,704.0	3,779.6	10.0	7.09
– Tidak tersenarai	1	1	2,400.3	2.0	5.10	0
ICULS						
– Tersenarai	12	5	1,204.4	1,068.8	2.60	2.00
– Tidak tersenarai	1	2	410.2	692.4	0.90	1.30
Dana yang dijana melalui hutang						
– Tersenarai	34	31	13,362.2	21,513.0	28.40	40.36
– Tidak tersenarai	35	48	22,042.0	24,363.7	46.90	45.70
Saham keutamaan						
– Tersenarai	0	1	0	800.0	0	1.50
– Tidak tersenarai	0	0	0	0	0	0
Jumlah	184	169	46,993.6	53,309.1	100.00	100.00

Jadual 5

Prospektus Ekuiti yang Dipertimbangkan

	2002				2001			
	Prospektus	Prospektus Ringkas	Prospektus Tambahan	Jumlah	Prospektus	Prospektus Ringkas	Prospektus Tambahan	Jumlah
Baki dibawa ke hadapan	28	10	0	38	6	3	0	9
Diterima pada tahun semasa	42	41	0	83	42	25	0	67
Diluluskan								
– Didaftarkan	(54)	(37)	0	(91)	(19)	(17)	0	(36)
– Pendaftaran belum selesai	0	0	0	0	0	0	0	0
Ditolak	0	0	0	0	0	0	0	0
Ditarik balik	0	(1)	0	(1)	(1)	(1)	0	(2)
Menunggu pertimbangan	16	13	0	29	28	10	0	38

⁶ Merujuk kepada setiap jenis terbitan yang diluluskan untuk dilaksanakan oleh syarikat- syarikat yang tersenarai/tidak tersenarai.

⁷ Tidak termasuk penempatan tertutup dan terbitan terhad.

Jadual 6

Permohonan yang Dipertimbangkan Berhubung Pengambilalihan dan Percantuman

Jenis permohonan	2002*	2001
Penjelasan dokumen tawaran	10	13
Lanjutan masa bagi pengiraman dokumen tawaran	11	20
Pelantikan penasihat bebas	25	30
Penjelasan pekeliling makluman bebas	21	24
Permohonan untuk pengecualian daripada kewajipan tawaran am mandatori	69	44
Permintaan bagi ketetapan dan permohonan sampingan yang lain	35	26
Jumlah	171	157

Jadual 7

Kajian Semula Nilai Berdasarkan Jenis Cadangan

Jenis	Bilangan Syarikat (Bilangan Laporan)		Bilangan Harta		Nilai Modal (RM juta)	
	2002	2001	2002	2001	2002	2001
Pengapungan						
– Papan Utama	5(24)	5(70)	96	1,025	380	874
– Papan Kedua	5(12)	13(77)	25	138	75	254
Perolehan	21(152)	19(11)	5,249	1,045	4,163	4,393
Terbitan bonus	1(8)	3(21)	79	56	54	204
Penyusunan, pengatur dan penilaian semula	23(149)	17(162)	17,621	3,945	5,821	8,553
Perubahan dalam penggunaan hasil	1(1)	3(3)	1	3	36	57
Penggunaan hasil daripada:						
– terbitan hak	2(2)	2(5)	24	8	707	224
– penempatan tertutup	1(1)	1(1)	17	1	616	3
– bon	0	1(2)	0	5	0	360
– ICULS	1(22)	0	63	0	332	0
Syarikat tidak tersenarai	0	0	0	0	0	0
Penjualan	7(27)	1(1)	58	1	2,740	36
Jumlah	67(398)	65(453)	23,233	6,227	14,924	14,958

Jadual 8

Terbitan PDS yang Diluluskan

	2002		2001	
	Bilangan Terbitan	Saiz Terbitan (RM juta)	Bilangan Terbitan	Saiz Terbitan (RM juta)
Konvensional				
Nota jangka pendek/CP	3	640.0	10	7,212.5
Program CP/MTN	13	3,146.0	9	1,480.0
Bon	42	24,771.2	30	12,623.7
Stok pinjaman	79	9,812.5	28	4,180.3
NCD	0	0	2	1,200.0
	137	38,369.7	79	26,696.51
Islam				
Nota jangka pendek/CP	2	110.0	5	962.0
Program CP/MTN	14	5,785.0	5	1,280.0
Bon	18	11,745.0	25	16,750.1
	34	17,640	35	18,992.1
Jumlah	171	56,009.6	114	45,688.6

PINDAAN TERHADAP GARIS PANDUAN TERBITAN BAGI MEMUDAHCARAKAN PENYENARAIAAN, PENJANAAN DANA DAN PENYUSUNAN SEMULA OLEH SYARIKAT

Beberapa semakan dan pindaan telah dibuat kepada keperluan dalam Garis panduan Terbitan dalam tahun 2002, sebagai sebahagian daripada langkah peralihan secara beransur-ansur ke arah pelaksanaan fasa terakhir DBR, disamping menyokong saranan CMP agar pasaran modal Malaysia menjadi pusat penjana modal utama pilihan syarikat-syarikat Malaysia.

Pindaan utama termasuk yang berikut:

(a) Kelonggaran dalam keperluan bagi terbitan hak secara dua panggilan

Syarikat tersenarai kini dibenarkan untuk melaksanakan terbitan hak secara dua panggilan, tanpa perlu mengambil kira akan harga saham atau kedudukan kewangan. Di samping itu, PLC dibenarkan untuk:

- menggunakan sepenuhnya baki keuntungan yang tidak diagihkan atau akaun premium saham bagi permodalan panggilan kedua dan
- memodalkan rizab penilaian semula bagi tujuan panggilan kedua, dengan had yang sama seperti terbitan bonus yang dipermodalkan dari rizab penilaian semula (iaitu, tertakluk kepada PLC tersebut mengekalkan 20% daripada jumlah nilai baru sekiranya lebih penilaian semula adalah daripada penilaian semula tanah dan bangunan).

Semasa menentukan jumlah diskaun bagi terbitan hak, keperluan yang sama seperti terbitan hak biasa adalah digunapakai, dengan harga tunai diambil sebagai parameter untuk perbandingan dengan harga teori harga selepas hak.

(b) Pelaksanaan terbitan bonus secara berperingkat-peringkat

PLC kini dibenarkan untuk melaksanakan terbitan bonus secara berperingkat-peringkat, iaitu saham bonus diumpukkan kepada para pemegang saham secara beberapa peringkat dalam tempoh jangka masa tertentu.

(c) Syarikat perkapalan dan pengangkutan tidak tertakluk kepada kuasa tangguh bayar

Syarikat perkapalan dan pengangkutan yang ingin disenaraikan di BSKL tidak lagi tertakluk kepada keperluan kuasa tangguh bayar yang sebaliknya dikenakan kepada syarikat memohon penyenaian di Papan Utama yang terlibat dalam pemajuan harta, pembinaan, perkhidmatan atau aktiviti pengkhususan.

(d) Keperluan khas bagi pengambilalihan kebalikan dan penyenaian pintu belakang bagi UB

Bagi terus menggalakkan pembentukan UB, Suruhanjaya telah melonggarkan keperluan kuasa tangguh bayar berhubung dengan pelupusan saham yang diterima oleh para penjual aset/perniagaan/kepentingan yang akan disuntik/diperoleh/digabung, bagi membolehkan syarikat pemohon membentuk UB.

(e) Pecahan saham oleh PLC bermasalah

PLC yang melaksanakan skim penyusunan semula melalui struktur "NewCo" kini dibenarkan untuk

memecah harga tara saham biasa, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang ditetapkan.

(f) Saiz tawaran awam minimum bagi IPO

Sebelum ini, Garis panduan Terbitan menetapkan bahawa syarikat yang ingin disenaraikan mestilah, sebahagian daripada skim penyenaian, membuat tawaran sekuriti baru kepada awam sekurang-kurangnya 15% daripada modal berbayarnya yang diperbesarkan.

Selepas pindaan, saiz minimum bagi tawaran awam hendaklah disandarkan kepada bilangan minimum pemegang saham awam seperti yang ditetapkan dalam keperluan tebaran pemegang saham Garis panduan Terbitan, bagi tujuan pematuhan terhadap keperluan tawaran sekuriti kepada pihak awam sebagai sebahagian daripada skim penyenaian.

(g) Sekuriti penajajaminan bawah IPO

Sebelum ini, Garis panduan Terbitan menetapkan bahawa perjanjian penajajaminan syarikat hendaklah diatur sebelum tawaran dibuat kepada pihak awam. Sehubungan dengan ini, perjanjian penajajaminan ini seharusnya adalah bagi sekuriti, selain daripada sekuriti yang telah ditentukan penerimanya, seperti pelabur bumiputera, pengarah dan kakitangan, atau dimana sesetengah pemegang saham memberi akujanji bertulis tak boleh dibatalkan untuk melanggan. Disamping itu, penasihat korporat yang membuat permohonan hendaklah menjadi penajajaminan urusan bagi terbitan tersebut dan bersedia menjadi penajajaminan tunggal apabila penajajaminan bersama yang lain tidak berkemampuan menajajamin.

Selepas pindaan, penajajaminan sekurang-kurangnya hendaklah diatur bagi tawaran sekuriti yang membentuk tahap minimum langganan bagi memenuhi objektif IPO. Penerbit boleh mengecualikan jenis-jenis tawaran berikut daripada pengaturan penajajaminan:

- Tawaran sekuriti kepada pelabur bumiputera bagi tujuan mematuhi keperluan Dasar Pembangunan Negara (NDP);
- Tawaran sekuriti kepada pengarah, kakitangan dan pihak lain yang telah menyumbang kepada kejayaan syarikat bawah skim peruntukan berkeutamaan; dan
- Tawaran sekuriti kepada pelabur yang telah memberikan akujanji bertulis yang tidak boleh dibatalkan untuk melanggan sekuriti tersebut.

Sekiranya tahap langganan minimum disandarkan kepada tahap tebaran pemegang saham awam yang diperlukan oleh syarikat, pemegang saham/pelabur yang dikecualikan daripada diklasifikasikan sebagai pemegang saham awam tidak dibenarkan untuk memberi akujanji bertulis yang tidak boleh dibatalkan untuk melanggan sekuriti sebagai ganti bagi pengaturan penajajaminan. Sekiranya tahap langganan minimum ditetapkan pada tahap yang lebih tinggi daripada tahap tebaran pemegang saham awam yang diperlukan, maka pemegang saham/pelabur tersebut hanyalah dibenarkan untuk memberi akujanji bertulis yang tidak boleh dibatalkan bagi sekuriti yang melebihi tahap tebaran pemegang saham awam yang diperlukan.

(h) Penentuan harga sekuriti yang diterbitkan sebagai balasan bagi perolehan daripada pihak berkaitan

Suruhanjaya tidak lagi mengenakan keperluan premium 5% ke atas harga pasaran purata berwajaran lima hari bagi sekuriti yang diterbitkan sebagai balasan bagi perolehan aset daripada pihak berkaitan. Oleh itu, sekuriti yang diterbitkan sebagai balasan bagi perolehan sedemikian hendaklah ditetapkan sekurang-kurangnya pada harga pasaran purata berwajaran lima hari sebelum pengumuman perolehan dibuat. Parameter yang serupa bagi penetapan harga juga digunapakai bagi penempatan sekuriti kepada pihak berkaitan, kecuali sekuriti tersebut diagihkan kepada pelabur Bumiputera bagi tujuan memenuhi keperluan NDP.

(i) Pengubahsuaian/pindaan kepada undang-undang kecil skim opsyen saham pekerja

Kelulusan Suruhanjaya tidak lagi diperlukan bagi pindaan kepada undang-undang kecil ESOS. Oleh itu, bagi apa jua pindaan kepada undang-undang kecil ESOS, penerbit/penasihat hanya perlu mengemukakan kepada Suruhanjaya surat pengesahan bahawa pindaan tersebut tidak melanggar peruntukan-peruntukan Garis panduan ESOS.

(j) Kelonggaran syarat bagi suntikan aset asing dan syarikat multinasional ke dalam PLC di Malaysia bagi memudahcarakan penyusunan semula korporat

Syarat bagi suntikan aset asing dan syarikat multinasional ke dalam PLC di Malaysia telah

dilonggarkan untuk memberi PLC, terutamanya yang bermasalah, lebih banyak pilihan untuk memperolehi aset berkualiti bagi mempelbagai pendapatan asas. Kelonggaran tersebut adalah selaras dengan langkah yang diumumkan oleh Perdana Menteri dalam ucapan belanjawan 2002 bagi memudahcarakan penyusunan semula syarikat.

(i) Perolehan aset asing oleh PLC Malaysia

Syarikat yang tersenarai di BSKL kini boleh memperolehi aset asing yang, sama ada dimiliki oleh rakyat Malaysia atau rakyat asing melalui terbitan sekuriti, tertakluk kepada syarat tertentu yang ditetapkan dalam *Guidelines on the Acquisition of Foreign Assets*.

(ii) Suntikan syarikat multinasional ke dalam PLC bermasalah

Syarikat multinasional tidak tersenarai yang telah memantapkan kewujudan mereka di Malaysia tidak lagi perlu mematuhi keperluan NDP bagi penyertaan 30% ekuiti Bumiputera apabila memohon penyenaian di BSKL menerusi pengambilalihan akas atau penyenaian pintu belakang ke dalam PLC bermasalah.

Kelonggaran ini, walau bagaimanapun, hanya digunapakai bagi syarikat milik asing yang diperbadankan di Malaysia atau syarikat milik asing yang didaftarkan di Malaysia yang telah dikecualikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) daripada mematuhi keperluan NDP.

Untuk terus menikmati pengecualian daripada keperluan penyertaan 30% ekuiti Bumiputera, MNC berkenaan diharap akan dapat terus memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh MITI berhubung dengan pengecualian tersebut.

(k) Lanjutan masa bagi PLC yang kurang modal untuk memenuhi keperluan modal berbayar minimum

Suruhanjaya telah melanjutkan tarikh akhir bagi syarikat kurang modal yang tersenarai di BSKL untuk memenuhi keperluan modal berbayar minimum RM60 juta dan RM40 juta (masing-masing bagi Papan Utama dan Papan Kedua) selama satu tahun dari 31 Disember 2002 sehingga 31 Disember 2003.

Tarikh akhir untuk memenuhi keperluan modal berbayar minimum telah dikaji semula dan dilanjutkan berikutan beberapa faktor, antara lainnya, keadaan pasaran yang lemah yang menyukarkan PLC untuk melaksanakan penjana modal serta maklum balas dan permohonan bagi lanjutan masa daripada syarikat yang kurang modal.

PLC yang kurang modal telah diingatkan bahawa, sekiranya masih gagal memenuhi keperluan modal berbayar minimum pada tarikh akhir baru 31 Disember 2003, mereka akan diklasifikasikan di bawah satu sektor berasingan oleh BSKL dan ditandakan sebagai “Kurang Modal”. Syarikat sedemikian juga mungkin akan dikenakan sekatan dagangan.

GARIS PANDUAN BARU BERKAITAN DENGAN PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN

Dasar Baru Berkenaan Tawaran Separa

Pada tahun 2002, Suruhanjaya telah meluluskan tiga tawaran separa, iaitu bagi baki saham pengundian dalam Digi.Com Berhad (DiGi) oleh Telenor Asia Pte Ltd, MCIS Insurance Berhad (MCIS) oleh Zurich Asia Holding Limited (ZAHL) dan RHB Capital Berhad (RHBcap) oleh Rashid Hussain Berhad (RHB). Berikutan dengan tawaran separa tersebut, Suruhanjaya telah memperluaskan dasar berkaitan dengan proses dan prosedur yang terlibat dalam pelaksanaan tawaran separa. Dasar-dasar baru tersebut ialah:

- (i) Seksyen 11(8) dan Nota Amalan 3.1(5) dalam *Malaysian Code on Take-overs and Mergers 1998* memperuntukkan seorang pembuat tawaran dan pihak-pihak yang bertindak bersama-sama dengannya, hasil daripada tawaran separa ini akan memegang jumlah melebihi 33% tetapi kurang daripada 100% kepentingan ekuiti dalam sebuah syarikat penerima tawaran, tidak boleh membuat pengisytiharan bahawa tawaran separa itu telah berjaya melainkan pembuat tawaran itu telah menerima satu undi bagi kelulusan tawaran separa itu daripada pemegang saham penerima tawaran yang memegang jumlah melebihi 50% saham mengundi penerima tawaran. Rasional di sebalik keperluan ini adalah untuk memberi peluang kepada pemegang saham penerima tawaran yang tinggal, membuat keputusan mengenai tawaran separa tersebut berdasarkan, antara lainnya, akibat tawaran separa itu kepada mereka.

Berhubung dengan peraturan di atas, pihak Suruhanjaya telah menetapkan bahawa tawaran separa oleh seorang pemegang saham yang memiliki *lebih daripada 50%* saham syarikat penerima tawaran (sebelum melaksanakan tawaran separa), *tidak akan tertakluk kepada syarat* tahap penerimaan dan kelulusan melebihi

50% daripada baki pemegang saham penerima tawaran. Rasional kepada syarat ini adalah kerana, dalam semua keadaan, seorang penerima tawaran yang sudah mempunyai kawalan ke atas syarikat penerima tawaran (mempunyai kawalan statutori dengan memegang lebih daripada 50% kepentingan ekuiti syarikat penerima tawaran) dibenarkan untuk meningkatkan pegangan sahamnya dalam syarikat penerima tawaran tanpa implikasi kewajipan tawaran mandatori ke atasnya, yang mana bertujuan untuk memelihara kepentingan pemegang saham minoriti syarikat penerima tawaran. Oleh yang demikian, seorang penerima tawaran seperti yang sedemikian juga patut dibenarkan untuk meningkatkan pegangan sahamnya melalui satu tawaran separa, tanpa memerlukan kelulusan pemegang saham penerima tawaran yang memegang jumlah melebihi 50% daripada baki pemegang saham penerima tawaran. Ketetapan Suruhanjaya dalam hal ini adalah selaras dengan piawaian dan amalan antarabangsa berhubung dengan pengawalseliaan hal-hal pengambilalihan.

- (ii) Bawah peruntukan seksyen 12(2) Kod, berhubung dengan kes tawaran sukarela, seseorang yang bercadang untuk membuat tawaran pengambilalihan hendaklah dengan *segera dan serentak membuat pengumuman maklumat mengenai cadangan tawaran dan menghantar suatu notis bertulis*, kepada lembaga pengarah syarikat penerima tawaran, pihak Suruhanjaya, dan bursa saham yang berkaitan, jika syarikat penerima tawaran itu disenaraikan. Sehubungan dengan ini, Suruhanjaya menyedari bahawa tawaran separa mungkin sebahagian daripada skim yang kompleks dan terperinci (contohnya, skim penyusunan semula), di mana kedua-dua cadangan tawaran separa dan skim tersebut memerlukan kelulusan pelbagai pihak berkuasa. Dalam kes seperti ini, Suruhanjaya boleh memberi

pertimbangan terhadap membenarkan pembuat tawaran untuk hanya menghantar notis mengenai cadangan tawaran separa itu *selepas semua kelulusan yang diperlukan telah diterima daripada pihak berkuasa*.

- (iii) Seksyen 20(5) Kod memperuntukkan bahawa pembuat tawaran hendaklah menghantar balasan kepada semua pemegang saham yang telah menerima tawaran pengambilalihan dalam masa *21 hari* dari tarikh tawaran itu telah menjadi atau diisytiharkan tanpa syarat terhadap penerimaan. Walau bagaimanapun, setelah mengambil maklum bahawa tahap penerimaan semua tender dalam tawaran separa hanya boleh ditentukan pada tarikh tutup tawaran separa, yang mana tahap penerimaan bergantung kepada jumlah tender yang diterima dan jumlah syer yang ditenderkan, Suruhanjaya akan mempertimbangkan pengecualian daripada mematuhi keperluan ini dan membenarkan bayaran bagi balasan tersebut dibuat *selepas tarikh tutup tawaran separa*.
- (iv) Berhubung dengan tahap penerimaan dalam tawaran separa, Suruhanjaya mungkin mempertimbangkan membenarkan satu *tahap penerimaan 'dwi-peringkat'*, yang merangkumi suatu tahap penerimaan minimum yang perlu dicapai supaya tawaran separa itu boleh berjaya dan sehingga suatu tahap penerimaan maksimum. Perlu ditekankan, bahawa ciri tahap penerimaan dwi-peringkat ini hanya digunapakai terhadap tawaran separa sahaja, walaupun peruntukan relevan dalam Kod hanya *menganggap* satu tahap penerimaan (iaitu, lebih daripada 50% bagi tawaran mandatori dan sukarela, atau pada suatu tahap yang ditetapkan bagi tawaran separa). Walau bagaimanapun, Kod *tidak secara jelas melarang* pemakaian ciri tahap penerimaan pelbagai peringkat bagi tawaran separa.

Seksyen 5 Kod mengisytiharkan secara jelas bahawa, “perolehan saham mengundi hendaklah dilakukan dalam pasaran yang cekap, berdaya saing dan bermaklumat” serta selaras dengan peruntukan sub seksyen 33A(5) SCA. Secara lebih khusus, bawah peruntukan sub seksyen 33A(5)(c) SCA, semua tawaran pengambilalihan hendaklah dikendalikan secara adil dan saksama terhadap semua pemegang saham, terutamanya pemegang saham minoriti. Sehubungan ini, Suruhanjaya boleh memberi pertimbangan terhadap tahap penerimaan ‘dwi-peringkat’ sekiranya pihak Suruhanjaya berpendapat bahawa pemakaian ciri tersebut *tidak akan memudaratkan* pemegang saham minoriti syarikat penerima tawaran. Pembuat tawaran yang bercadang untuk menggunakan ciri ini dalam suatu cadangan tawaran separa, serta penasihat mereka, hendaklah mengemukakan justifikasi yang kukuh dan bukti yang memuaskan bahawa ciri tersebut tidak akan memudaratkan pemegang saham minoriti syarikat penerima tawaran dalam apa cara sekalipun.

Sekiranya Suruhanjaya meluluskan untuk memakai ciri tahap penerimaan dwi-peringkat, pendedahan terperinci dan sempurna mengenai ciri tersebut dan implikasinya perlulah dibuat dalam notis cadangan tawaran separa, serta dokumen tawaran untuk membolehkan semua pemegang saham mempertimbangkan merit cadangan tawaran separa tersebut.

Dasar Baru Mengenai Penyelesaian Balasan Tawaran Pengambilalihan bawah Seksyen 20(5) Kod Berhubung dengan Tawaran Tanpa Syarat

Seperti yang telah dinyatakan terdahulu, seksyen 20(5) Kod memperuntukkan bahawa balasan tawaran pengambilalihan hendaklah diposkan dalam masa 21 hari

dari tarikh tawaran pengambilalihan itu telah menjadi atau diisytiharkan tanpa syarat terhadap penerimaan. Sehubungan dengan ini, Kod, setara dengan undang-undang pengambilalihan dalam bidang kuasa lain, tidak memperuntukkan secara khusus tempoh penyelesaian balasan bagi tawaran tanpa syarat. Walau bagaimanapun, secara lazim, tempoh penyelesaian balasan bagi tawaran tanpa syarat dianggap sebagai 21 hari dari tarikh dokumen tawaran diposkan.

Sambil waktu berlalu, beberapa isu praktik dan pentadbiran mungkin timbul berhubung dengan amalan tersebut, contohnya, dalam keadaan penerimaan terhadap suatu tawaran tanpa syarat diterima pada atau sejurus sebelum tarikh tutup tawaran (lazimnya 21 hari dari tarikh dokumen tawaran). Pembuat tawaran mungkin memerlukan masa yang lebih panjang untuk memproses dan mengesahkan penerimaan tersebut. Bagi pembuat tawaran yang telah mengatur kemudahan kredit dari institusi kewangan bagi membiayai suatu tawaran, pengawasan setiap tarikh akhir bagi pengiriman wang berhubung dengan setiap penerimaan, serta melaksanakan pembayaran dari kemudahan kredit tersebut beberapa kali, juga merumitkan dari segi tadbiran.

Suruhanjaya telah mengambil maklum perkara di atas dan akan mempertimbangkan permohonan untuk pengecualian daripada mematuhi sepenuhnya keperluan seksyen 20(5) Kod bagi tawaran pengambilalihan tanpa syarat. Pihak Suruhanjaya juga telah menetapkan beberapa terma alternatif berhubung dengan penyelesaian balasan bagi tawaran tanpa syarat.

Dasar Baru Mengenai Pengecualian daripada Kewajipan Tawaran Mandatori yang Timbul Daripada Pelaksanaan Masa Hadapan/Sekuriti Boleh Tukar Bawah Kod

Dalam tahun 2001, Suruhanjaya telah mengkaji semula dasar untuk tidak memberi kelulusan menyeluruh bagi permohonan untuk pengecualian daripada kewajipan tawaran mandatori yang timbul daripada pelaksanaan

masa hadapan/penyempurnaan sekuriti boleh tukar, dan telah menerima pakai suatu dasar baru bagi membenarkan permohonan pengecualian sedemikian, sekiranya permohonan tersebut melibatkan syarikat yang memerlukan pembaikpulihan berhubung dengan keadaan kewangan. Suruhanjaya telah meneruskan kajian semula dasar ini dan *melanjutkan pemakaian dasar baru ini kepada syarikat yang tidak melibatkan kes pembaikpulihan.*

Garis panduan Bagi Kandungan Surat Akujanji Berkaitan dengan Pengecualian daripada Kewajipan MO bawah PN 2.9.6

Suatu pengecualian daripada kewajipan tawaran mandatori dibenarkan bawah PN 2.9.6 Kod, iaitu pemegang saham mengundi yang tinggal telah memberi akujanji bertulis bahawa mereka tidak akan menerima sebarang tawaran, jika mereka menerima tawaran sedemikian. Dalam mempertimbangkan permohonan pengecualian di bawah nota amalan tersebut, pihak Suruhanjaya perlu berpuas hati bahawa pemegang saham yang tinggal telah bersetuju, melalui akujanji bertulis mereka, bahawa mereka tidak akan menerima tawaran pengambilalihan, sekiranya dilaksanakan menurut peruntukan Kod.

Untuk membantu penasihat korporat dalam memberi nasihat sewajar kepada pelanggan mereka berkenaan akujanji tersebut, dan sebagai panduan dalam merangka surat akujanji, Suruhanjaya telah mengeluarkan format contoh surat akujanji bawah PN 2.9.6. Surat akujanji tersebut hendaklah menunjukkan bahawa, antara lainnya, pemegang saham mengundi yang tinggal mempunyai pengetahuan sepenuhnya mengenai urus niaga yang menimbulkan kewajipan tawaran mandatori serta pihak yang terlibat dalam urus niaga tersebut dan bahawa pemegang saham yang tinggal ini menyedari bahawa pemohon telah membuat permohonan kepada Suruhanjaya untuk mendapatkan pengecualian daripada tawaran mandatori bawah nota amalan tersebut. Format contoh surat akujanji tersebut terdapat dalam tapak web Suruhanjaya untuk rujukan.